

# Nexus, TechKAL sertai konvensyen inovatif

UB 11-03-2012 B12

LABUAN: Dua kumpulan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) iaitu Nexus dan TechKAL telah menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) ke-8 peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2012 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak, Selangor pada 7-8 Mac lalu.

Kumpulan Nexus dari Jabatan Pendaftaran UMS Kota Kinabalu menyertai kategori pengurusan manakala Kumpulan TechKAL dari Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan (BPP) UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menyertai kategori teknikal.

Kumpulan Nexus diwakili oleh Awina

Kamis, Alvin Azril Mahat, Abdul Hafiz Ampuan Tajudin, Mohd Azwan Alleh, Mohd Jamrie Musa, Rosnani Saibin, Sartinah Ramli, Mohd Azizal Jasmih, Masamira Saminin dan Mohd Yasir Mijan.

Ketua Timbalan Pendaftar, No'man Ahmad bertindak sebagai fasilitator kumpulan Nexus yang menyampaikan projek bertajuk Masalah Pengisian Jawatan Akademik.

Manakala Kumpulan TechKAL pula diwakili oleh Mohd Azrie Tanjong, Abd Sofian Abd Ghani, Mohd Firdaus Anson, Nurazeyhan Aman, Herman Lairi, Arther Balingi, Norfizan Norisan, Rayme Musa, Mohd Ali Kassim, Ismail Alimin dan Hassan Suliman.

Jurutera Kanan, Jorin Matawas menyampaikan projek bertajuk Papan Lutsinar.

Delegasi TechKAL turut disertai Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Walaupun gagal mendapat tempat kali ini, Kumpulan Nexus dan TechKAL telah menunjukkan prestasi yang baik dan memberikan saingan yang sengit kepada 20 IPT dari seluruh negara.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan yang juga Presiden UIAM.



**ZAMRI (empat kanan) bergambar kenangan bersama ahli Kumpulan TechKAL.**



**NO'MAN (enam kanan) bersama ahli Kumpulan Nexus.**